

**PELAN TINDAKAN
BENCANA BANJIR
NEGERI JOHOR
2017/2018**

ISI KANDUNGAN:

PENGENALAN	1
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR	5
FORMAT RETEN HARIAN	42
PEJABAT KESIHATAN DAERAH JOHOR BAHRU	76
PEJABAT KESIHATAN DAERAH MUAR	88
PEJABAT KESIHATAN DAERAH BATU PAHAT.....	99
PEJABAT KESIHATAN DAERAH SEGAMAT.....	122
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KLUANG.....	132
PEJABAT KESIHATAN DAERAH PONTIAN.....	138
PEJABAT KESIHATAN DAERAH MERSING.....	163
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI.....	173
PEJABAT KESIHATAN DAERAH TANGKAK.....	182
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KOTA TINGGI.....	194

1.0 PENGENALAN NEGERI JOHOR

1.1 Pendahuluan

Negeri Johor terletak di selatan Semenanjung Malaysia dan merupakan negeri yang ketiga terbesar selepas Perak dan Pahang. Terdapat beberapa negeri yang bersempadan dengan negeri Johor iaitu Pahang yang terletak di bahagian utara, Negeri Sembilan dan Melaka yang terletak di bahagian barat. Negara Singapura pula terletak di bahagian selatan negeri Johor. Keseluruhan negeri Johor merangkumi 10 daerah (Rajah 1.1) iaitu Johor Bahru, Kulai, Muar, Tangkak, Batu Pahat, Kluang, Segamat, Kota Tinggi, Pontian dan Mersing dengan keluasan 1,898,609 hektar (18,986.70km²). Kota Tinggi merupakan daerah yang paling luas iaitu 18.3% dari keluasan keseluruhan, diikuti dengan Kluang dan Segamat (15.02%), Mersing (14.95%), Muar (12.36%), Batu Pahat (9.89%), Johor Bahru (9.57%) dan Pontian (4.84%). Terdapat sejumlah 95 mukim di negeri Johor di mana daerah Muar mempunyai bilangan mukim yang terbanyak iaitu sebanyak 18 mukim.



Rajah 1.1: Peta Negeri Johor Mengikut Daerah

1.1.1 Jumlah dan Taburan Penduduk

Berdasarkan sejarah pada tahun 2006, penduduk di negeri Johor telah mencapai 3.17 juta. Berdasarkan banci penduduk pada tahun 2000, unjuran kadar pertumbuhan penduduk pada 2005-2006 adalah sebanyak 2.2% (Jadual 1.1). Kadar ini telah menurun berbanding dengan tahun-tahun antara 1980-1991 yang mencatatkan 2.45% setahun. Di peringkat daerah, Johor Bahru mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk paling tinggi iaitu 2.6% untuk tempoh 2005-2006. Ianya juga merupakan tumpuan utama pembangunan perindustrian, perniagaan dan perumahan. Kadar pertumbuhan penduduk ini diikuti pula oleh Kota Tinggi (2.5%), Mersing (2.4%), Batu Pahat (1.9%), Pontian (1.9%) dan Kluang (1.8%). Daerah-daerah yang mengalami kadar pertumbuhan yang rendah adalah Muar (1.7%) dan Segamat (1.4%). Purata kepadatan penduduk di negeri Johor bagi setiap kilometer persegi telah meningkat daripada 109 orang pada tahun 1991 kepada 167 orang pada tahun 2006. Daerah yang mempunyai purata kepadatan penduduk yang tertinggi adalah Johor Bahru dengan 764 orang setiap kilometer persegi.

Jadual 1.1: Jumlah dan Taburan Penduduk pada Tahun 2016

Daerah	Keluasan (km. persegi)	Penduduk (orang)	Kepadatan penduduk (setiap km. persegi)
JOHOR BAHRU	1067.35	1510600	1250
BATU PAHAT	1878.00	455100	214
KLUANG	2851.80	326800	101
KULAI	753.45	274400	86
MUAR	1476.12	269700	162
KOTA TINGGI	3488.70	213800	54
SEGAMAT	2851.26	206800	64
PONTIAN	919.50	170000	163
TANGKAK	970.00	149300	136
MERSING	2838.6	78600	24

Golongan tenaga aktif yang berumur 15-64 tahun meliputi 69.22% daripada jumlah penduduk negeri Johor pada tahun 2016 berbanding dengan 59.74% pada tahun 1991. Peratus kanak-kanak (berumur di bawah 15 tahun) di negeri Johor pada tahun 2016 ialah 8.36% berbanding dengan 35.80% pada tahun 1991. Penduduk berumur 65 tahun ke atas pula meningkat daripada 3.80% pada tahun 1991 kepada 8.76% pada tahun 2016.

1.1.2 Topografi dan Saliran Semulajadi


Kawasan kecerunan landai (kurang dari 12 darjah) meliputi 87.17% daripada keluasan negeri Johor, diikuti dengan kawasan kecerunan 12-25 darjah (13.96%) dan lebih dari 25 darjah (1.78%). Kebanyakan kawasan cerun tinggi terletak di kawasan tanah tinggi yang sebahagiannya terdapat dalam tiga daerah utama di negeri Johor iaitu Muar, Segamat dan Kluang. Kawasan tanah tinggi adalah seperti Gunung Ledang (1276m), Gunung Besar (1036m) dan Gunung Belumut (1010m). Kebanyakan kawasan tanah tinggi adalah bagi kegunaan tanah hutan dan telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal untuk dijadikan kawasan tadahan air dan dipelihara daripada sebarang pembangunan.

Negeri Johor di saliri oleh beberapa sungai utama iaitu Sungai Johor, Sungai Pulai dan Sungai Muar. Secara amnya, kebanyakan kawasan sungai utama adalah merupakan kawasan tadahan air dan empangan. Oleh yang demikian semua sungai utama yang merupakan kawasan tadahan air perlu dipelihara bagi mengelakkan pencemaran terhadap sumber air tersebut.

1.1.3 Kawasan Tadahan Air

Kawasan tadahan air dibahagikan kepada kawasan tadahan air utama dan sekunder. Kawasan tadahan air utama merangkumi keluasan 187,358.20 hektar, berbanding dengan kawasan tadahan air sekunder sebanyak 1,066,775.63 hektar. Kawasan di luar tadahan air hanya merangkumi 33.94% dari keseluruhan keluasan negeri Johor. Kawasan tadahan air utama merangkumi kawasan tadahan empangan sedia ada seluas 126,451.40 hektar (Rajah 1.2) dan cadangan seluas 60,900.80 hektar. Kawasan tadahan air dan empangan merupakan kawasan yang tidak boleh dibangunkan kerana ia merupakan kawasan sumber minuman air bersih.

Rajah 1.2: Kawasan Tadahan Air Utama di Negeri Johor



Sumber: Laporan Pemeriksaan - Rancangan Struktur Negeri Johor

(2001 – 2010)

1.1.4 Meteorologi


Kadar purata taburan hujan bagi negeri Johor adalah melebihi 2,458 mm setahun. Kadar penerimaan hujan yang banyak ini memungkinkan negeri Johor mengalami masalah banjir. Masalah banjir dijangka akan lebih kerap berlaku terutama di kawasan yang tidak mempunyai penyelenggaraan sistem perparitan yang baik dan sempurna. Bagi rekod angin tahunan pula, angin Utara mendominasi kadar tiupan pada kebanyakan masa di sepanjang tahun.

2.0 PENGENALAN JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

2.1 Latarbelakang Organisasi

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKN Johor) merupakan jabatan kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan program-program Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri Johor yang meliputi program-program Kesihatan Awam, Perubatan, Pergigian (Kesihatan Oral) dan Farmasi. Jabatan Kesihatan Negeri Johor terletak di Tingkat 3, 4 dan 5, Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek, Johor Bahru. Ianya diketuai oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan dibantu oleh lima Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri iaitu Kesihatan Awam, Perubatan, Pergigian, Pengurusan dan Farmasi (Rajah 2.1). Di bawah Bahagian Kesihatan Awam terdapat 6 unit utama iaitu Unit Pembangunan Kesihatan Keluarga; Unit Kawalan Penyakit (terdiri dari Unit Kawalan Penyakit Berjangkit, Unit Kawalan HIV/AIDS, Unit Kawalan TB/Kusta, Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit; Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, dan Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru); Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan; Unit Inspektorat dan Perundangan; Unit Kejuruteraan; dan Unit Promosi Kesihatan (Rajah 2.2). Bahagian Kesihatan Awam adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan program-program kesihatan awam di 10 daerah kesihatan melalui rangkaian-rangkaian yang terdiri daripada 10 buah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), 90 buah Klinik Kesihatan (KK), 4 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak (KKIK), dan 259 buah Klinik Desa (KD).

Rajah 2.1: Carta Organisasi Jabatan Kesihatan Negeri Johor



3.0 BENCANA BANJIR NEGERI JOHOR

Banjir merupakan bencana alam yang paling kerap berlaku. Banjir adalah limpahan air yang berlebihan bagi satu-satu sistem saliran. Bencana banjir yang melanda Malaysia boleh dikategorikan kepada banjir kilat/ribut tropika dan banjir monsun. Banjir kilat biasanya berlaku di kawasan pembangunan yang mempunyai sistem saliran yang tidak mampu menampung jumlah air yang banyak secara tiba-tiba. Banjir ini berlaku apabila berlaku hujan lebat lebih dari biasa dalam suatu tempoh yang tertentu. Banjir ini biasanya surut dalam masa yang singkat. Banjir monsun pula berlaku dalam tempoh yang spesifik iaitu pada musim Monsun Timur Laut (Oktober hingga Februari) dan Monsun Barat Daya (Mei hingga Ogos). Banjir Monsun Timur Laut melanda pantai barat Semenanjung manakala banjir tengkujuh timur laut di alami oleh seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

4.0 GARISPANDUAN PENGURUSAN BENCANA BANJIR JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR 2017/2018

4.1. PENDAHULUAN BENCANA

Peraturan Tetap Operasi (Standard Operational Procedure) ini adalah bertujuan memberi panduan tentang langkah-langkah yang perlu diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Daerah (JKN) berhubung dengan pengurusan dan bantuan bencana selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 supaya tindakan-tindakan yang diambil dapat dilaksanakan dengan cekap, teratur, terancang, berkesan dan mencukupi.

Arahan MKN No. 20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara) telah dikuatkuasakan pada 11 Mei 1997 setelah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri.

Peraturan ini juga digunapakai bagi operasi-operasi bencana banjir, kebakaran hutan, pembakaran terbuka, jerebu dan juga bencana industri sesuai dengan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir, Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Industri dan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu, dimana Jabatan Kesihatan memainkan peranan penting dalam menyediakan khidmat perubatan kesihatan di pusat-pusat pemindahan kepada mangsa-mangsa terlibat.

4.2 POLISI

Pengurusan bencana banjir secara efektif dan efisien bagi memastikan morbiditi dan mortaliti berkaitan banjir dapat dikurangkan.

4.3 OBJEKTIF

Mengurangkan morbiditi dan mortaliti dikalangan mangsa banjir melalui pengurusan aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan penyakit sebelum, semasa dan selepas banjir yang cepat, cekap, teratur dan berkesan secara kos efektif.

4.4 SKOP

Garis panduan ini digunapakai oleh semua pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kesan kesihatan akibat banjir sama ada di Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

4.5 TAKRIF BENCANA

Sesuatu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan kepada harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat. Kejadian ini memerlukan pengendalian yang melibatkan sumber, peralatan, kekerapan dan tenaga manusia yang ekstensif daripada banyak agensi serta penyelarasan yang berkesan, dalam mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dan jangka masa panjang.

4.6 TAHAP-TAHAP PENGURUSAN BENCANA

4.6.1 Bencana Banjir Tahap 1

Kejadian setempat yang terkawal dan tidak berpotensi untuk merebak. Ianya tidak begitu kompleks dan kemungkinan mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda yang kecil. Bencana ini juga tidak menjejaskan aktiviti penduduk setempat secara meluas. Pihak berkuasa diperingkat daerah mempunyai kemampuan untuk mengawal dan mengatasi kejadian ini melalui agensi-agensinya diperingkat daerah tanpa atau dengan bantuan dari luar yang terhad.

4.6.2 Bencana Banjir Tahap 2

Kejadian yang lebih serius meliputi kawasan yang luas atau melebihi dua daerah dan berpotensi untuk merebak kemungkinan akan mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda yang banyak. Kejadian ini juga memusnahkan infrastruktur dan menjejaskan aktiviti harian masyarakat. Bersifat lebih kompleks dari bencana tahap 1 dan menyulitkan dari segi usaha mencari dan menyelamatkan. Perlu dan berupaya dikendalikan oleh pihak berkuasa diperingkat negeri tanpa atau dengan bantuan dari luar yang terhad.

4.6.3 Bencana Banjir Tahap 3

Kejadian yang berpunca dari bencana tahap 2, bersifat lebih kompleks atau meliputi kawasan yang lebih luas atau melebihi dua buah negeri. Perlu dan berupaya dikendalikan oleh pihak berkuasa diperingkat pusat dengan atau tanpa bantuan dari luar negara.

5.0 Skop dan Tanggungjawab

Skop dan tanggungjawab Jabatan Kesihatan di dalam menangani bencana banjir meliputi fasa sebelum banjir, fasa semasa banjir dan fasa selepas banjir.

5.1 Fasa Sebelum Banjir

- (a) Persediaan bagi kelengkapan Bilik Gerakan Banjir dari segi ruang dan peralatan.
- (b) Membuat lawatan dan penilaian tempat-tempat yang akan digunakan bagi penempatan mangsa banjir.
- (c) Mengkaji persiapan di kawasan berisiko tinggi mengikut pengalaman dan sejarah masa dahulu dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelak kejadian penyakit berjangkit. Ini termasuk memberi pelalian kepada golongan tertentu dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja.
- (d) Menyedia jadual tugas personel kesihatan yang berkaitan serta terma rujuk tanggungjawab dan aktiviti masing-masing.
- (e) Pembekuan cuti atau mengaturkan rancangan lain supaya terdapat personel kesihatan semasa banjir berlaku.

- (f) Semua hospital, pejabat kesihatan, klinik kesihatan dan klinik desa sentiasa bersiap sedia dari segi lojistik keperluan perkhidmatan kesihatan seperti tenaga manusia dan kelengkapan ubatan dan peralatan kecemasan yang khusus.
- (g) Memberi nasihat dan penerangan kesihatan melalui media massa dan elektronik serta di fasiliti kesihatan mengenai langkah-langkah bagi menjaga kesihatan awam khususnya semasa banjir.
- (h) Memberi maklumbalas kepada Ibu Pejabat KKM dan Bilik Gerakan Negeri dan Pusat mengenai persiapan dan keperluan khas (jika berkaitan) serta maklumat persiapan banjir seperti nama ketua pegawai bertugas, alamat bilik operasi, nombor telefon, faksimili dan email.

5.2 Fasa Semasa Banjir

- (a) Berhubung dengan dan menerima arahan dari Komander Operasi Bencana di peringkat negeri dan daerah (Arahan 20, MKN)
- (b) Mengadakan Bilik Operasi yang berkesan, lengkap dan beroperasi mengikut masa yang ditetapkan.
- (c) Memastikan semua langkah/persiapan di semua peringkat bersedia dan bergerak jika keadaan memerlukan.
- (d) Memantau keadaan penempatan sementara mangsa banjir
- (e) Memantau keadaan kejadian penyakit berjangkit khususnya penyakit penyakit bawaan air dan makanan dan penyakit lain yang berkaitan (pemantauan epidemiologi).
- (f) Memantau keadaan banjir dan keperluan kesihatan awam yang mungkin berbeza-beza setiap hari mengikut situasi banjir.
- (f) Meminta bantuan dari agensi lain dalam perkara-perkara seperti kemudahan pengangkutan udara atau bot ke tempat penempatan sementara yang diletakkan di kawasan pendalaman dan yang tersisir jauh dari jalan raya.
- (g) Menggerakkan pasukan-pasukan kesihatan awam dan perubatan ke kawasan tertentu mengikut keperluan keadaan dan kehendak

kesihatan awam selepas mendapat kebenaran dari Komander Operasi Banjir .

(h) Menggerakkan pasukan kesihatan awam yang terdiri daripada:

➤ **Pasukan Kesihatan:-**

- Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
- Pembantu Kesihatan Awam
- Pekerja Am
- Pemandu

➤ **Pasukan Perubatan:-**

- Pegawai Perubatan
- Pembantu Perubatan
- Jururawat Kesihatan Umum
- Jururawat Desa
- Pembantu Perawatan Kesihatan (Attendan)
- Pemandu Ambulan

(i) Menggerak pasukan perubatan dan pasukan kesihatan awam secara tetap ke kawasan penempatan sementara mangsa banjir yang memerlukan bantuan rawatan kecemasan dan kawalan penyakit berjangkit seperti di pusat pemindahan banjir serta di lapangan (jika diperlukan dengan arahan komander operasi banjir) dalam keadaan mendesak.

(k) Memastikan semua pusat pemindahan banjir dilengkapi dengan bekalan air minum selamat, tandas sanitari, penyediaan makanan yang bersih dan selamat, pemberian ceramah dan risalah/poster nasihat kesihatan dan lain-lain yang berkaitan.

(l) Memastikan hospital dan fasiliti kesihatan awam di kawasan tertentu dapat memenuhi keperluan *logistic alternative* pengurusan pesakit khususnya jika fasiliti tersebut sendiri dilanda banjir.

(m) Mempertingkatkan nasihat dan pendidikan kesihatan kepada orang awam mengenai langkah-langkah kawalan bagi mengelak penyakit berjangkit khususnya di kawasan yang sedang dilanda banjir.

5.3 Fasa Selepas Banjir

a) Melakukan penilaian impak atau kesan banjir ke atas penempatan atau perkampungan mangsa banjir mengikut format yang disediakan.

- b) Menerima laporan dan memantau keadaan di kawasan yang telah dilanda banjir dari segi peningkatan kejadian penyakit berjangkit khususnya penyakit bawaan air dan makanan seperti kolera, tifoid, keracunan makanan, cirit birit dan disentri.
- c) Mengambil langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit dengan pembekalan air minum selamat, tandas sanitari, penyediaan makanan secara sanitari, nasihat kesihatan dan lain-lain yang berkaitan.
- d) Menyediakan laporan terakhir mengenai situasi banjir dengan menyentuh tindakan kesihatan awam yang diambil, kelemahan yang telah dikenal pasti serta syor-syor tindakan dilakukan untuk masa hadapan.
- e) Menganggarkan dan menasihatkan jenis bantuan yang perlu diberi bagi memulih infrastruktur kemudahan perkhidmatan kesihatan awam seperti bekalan air selamat, tandas sanitari, pembuangan air limbah secara sanitari dan lain-lain kemudahan yang berkaitan.
- f) Mempertingkatkan nasihat dan pendidikan kesihatan kepada orang awam mengenai langkah-langkah kawalan bagi mengelak penyakit berjangkit khususnya di kawasan yang telah dilanda banjir.
- g) Memberi nasihat kepada orang awam di kawasan penyimpanan air supaya perhatian diberi agar tempat takungan air tidak menjadi pembiakan nyamuk Aedes dan berpotensi bagi penyebaran penyakit demam denggi.
- h) Mengadakan siasatan “post mortem” bagi tindakan yang telah diambil.
- i) Menilai langkah-langkah yang telah diambil untuk proses pembaikan pada masa hadapan. Membuat syor-syor dan cadangan supaya tindakan dapat diambil untuk memperbaiki keadaan kesihatan awam.

6.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA BANJIR

6.1 Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN)

Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri adalah seperti berikut:

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Pengerusi
2. Pengarah Bahagian Keselamatan Negara Cawangan Setiausaha
Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor Ahli
4. Ketua Polis Negeri
5. Panglima Briged, ATM
6. Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri
7. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
8. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
9. Jabatan Pelajaran Negeri
10. Pengarah Penerangan Negeri
11. Pengarah Penyiaran Negeri
12. Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Negeri
13. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri
14. Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan Negeri
15. Pengarah Kajicuaca Negeri
16. Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
17. Pengarah Pengangkutan Jalan
18. Pengarah Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
19. Pengarah Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB)
Negeri
20. Pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Negeri
21. Ahli-ahli lain yang di lantik

6.2 Bidang Tugas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri

Bidang tugas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri adalah seperti berikut:

- (a) Melaksanakan dasar dan strategi pengurusan bencana negara dalam mengendalikan bencana di peringkat negeri.
- (b) Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan bencana seperti menentukan bantuan lojistik dan mengambilalih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan agensi-agensi Kerajaan atau swasta.
- (c) Menyediakan kemudahan dan keperluan kepada mangsa dan petugas-petugas dalam aspek makanan, perubatan, rawatan, pemindahan dan lain-lain bantuan segera.
- (d) Menggerakkan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri apabila berlaku bencana Tahap II.
- (e) Mewujudkan satu bank data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat negeri yang diperlukan dalam pengurusan bencana.
- (f) Mewujudkan sistem pengumuman dan amaran untuk maklumat orang ramai.
- (g) Mengadakan latihan dari masa ke semasa melibatkan agensi-agensi di peringkat daerah dan negeri.
- (h) Menjalankan kajian dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko kejadian bencana di daerah/negeri.

- (i) Menentu dan menjalankan 'post mortem' selepas sesuatu bencana serta memperakukan cadangan-cadangan bagi mengatasi apa-apa kelemahan yang dikenalpasti.
- (j) Meminta agensi-agensi berkenaan mengemukakan laporan mengenai langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mencegah atau mengurangkan impak bencana.
- (k) Menentukan pelaksanaan tindakan di peringkat negeri oleh agensi-agensi yang terlibat dalam langkah-langkah pencegahan, pengawalan, pendidikan serta latihan menghadapi bencana berjalan lancar dan berkesan.
- (l) Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa.

6.3 Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD)

Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah adalah seperti berikut:

- | | |
|---|------------|
| 1. Pegawai Daerah | Pengerusi |
| 2. Pen. Pengarah, Bhgn Keselamatan Negara (BKN) Daerah / Pen Pegawai Daerah (Keselamatan) | Setiausaha |
| 3. Ketua Polis Daerah | Ahli |
| 4. Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah | |
| 5. Pegawai Kesihatan Daerah | |
| 6. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya | |
| 7. Jabatan Pelajaran Daerah | |
| 8. Wakil Angkatan Tentera Malaysia (ATM) | |
| 9. Setiausaha Majlis Perbandaran / Daerah | |

10. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
11. Ketua Cawangan Pertahanan Awam
12. Pegawai Penerangan Daerah
13. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
14. Pegawai RELA Daerah
15. Pengurus Syarikat Telekom Malaysia (STM) Daerah
16. Pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Daerah
17. Ahli-ahli lain yang di lantik

6.4 Bidang Tugas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah

Bidang tugas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah adalah seperti berikut:

- (a) Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan bencana seperti menentukan bantuan lojistik dan mengambilalih (*requisition*) peralatan/ jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan agensi-agensi kerajaan atau swasta.
- (b) Menggerakkan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah apabila berlaku bencana Tahap I.
- (c) Menentukan pembahagian tugas-tugas agensi terlibat di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- (d) Mengenalpasti dan mengadakan pusat-pusat pemindahan dan pengkalan hadapan.
- (e) Menyediakan kemudahan dan keperluan asas bagi mangsa dan petugas merangkumi tempat tinggal, makanan, pakaian dan perawatan perubatan.

- (f) Menentukan operasi mencari dan menyelamatkan dapat dijalankan secara licin dan berkesan.
- (g) Mewujudkan sistem perhubungan di antara PKTK dengan PKOB dan seterusnya dengan PKOB Negeri bagi memudahkan perhubungan dalam pengurusan bencana.
- (h) Menubuhkan, di mana perlu, Jawatankuasa Kecil seperti di peringkat mukim, kampung, persatuan penduduk atau Rukun Tetangga bagi membantu dalam kerja-kerja pengendalian bencana di tempat kejadian
- (i) Mewujudkan satu bank data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat daerah dalam pengurusan bencana.
- (j) Menentu dan menjalankan “post-mortem” selepas sesuatu bencana serta memperakukan cadangan-cadangan bagi mengatasi apa-apa kelemahan yang dikenalpasti.
- (k) Menjalankan kajian dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko kejadian bencana di daerah.
- (l) Meminta agensi-agensi berkenaan mengemukakan laporan mengenai langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mencegah atau mengurangkan impak bencana.
- (m) Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa.

6.5 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir Kementerian Kesihatan Peringkat Negeri Johor

Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir JKN Johor yang telah dibentuk adalah seperti berikut:

1. Pengarah Kesihatan Negeri Johor Pengerusi
2. Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan (Pengurusan)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian)
6. Timbalan Pengarah Kesihatan (Farmasi)
7. Ketua Penolong Pengarah (Epidemiologi)
8. Ketua Penolong Pengarah (Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar)
9. Pengarah Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru
10. Pegawai Kesihatan Kanan Daerah Johor Bahru
11. Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri
12. Jurutera Kesihatan Umum Negeri
13. Ketua Penyelia Jururawat Negeri
14. Pegawai Pendidikan Kesihatan Negeri
15. Ahli-ahli lain yang di lantik

6.6 Bidang Tugas Jawatankuasa Bencana Banjir Jabatan Kesihatan Negeri Johor

- (a) Pengarah Kesihatan Negeri selaku Pengarah Bilik Gerakan Banjir Negeri Johor memastikan Operasi Bilik Gerakan sentiasa berjalan lancar, merancang dan menganggarkan keperluan kewangan untuk membaiki kerosakan fasiliti kesihatan yang rosak, peralatan perubatan, sumber manusia dan pasukan tambahan, lojistik, ubat-ubatan, vaksin dan alat perlindungan diri (*personal protective*

equipment, PPE) serta memantau pelaksanaan Operasi Bilik Gerakan Daerah. Menyemak laporan yang dihantar ke Bilik Gerakan Banjir Kementerian Kesihatan adalah laporan yang tepat dan betul.

- (b) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) selaku Timbalan Pengarah Bilik Gerakan Banjir Negeri Johor memastikan Operasi Bilik Gerakan sentiasa mematuhi dan memenuhi keperluan dan informasi semasa. Menjalankan tugas-tugas Pengarah Bilik Gerakan Banjir Negeri Johor
- (c) Ketua Penolong Pengarah Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar bertanggungjawab memastikan keperluan lojistik dan sistem fail Bilik Gerakan serta menyelaras maklumbalas antara Bilik Gerakan Banjir Negeri dan Daerah serta Kementerian Kesihatan. Membuat semakan dan menyelaras laporan harian.
- (d) Ketua Penolong Pengarah Unit Kawalan TB adalah di beri tanggungjawab untuk menganalisa data-data dan dokumentasi laporan banjir negeri Johor
- (e) Ketua Penolong Pengarah Unit-Unit di beri tanggungjawab untuk membuat semakan data yang diterima dari daerah dan menyediakan laporan aktiviti unit masing-masing iaitu unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit Berjangkit, Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Kawalan Tibi, Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Perubatan, Kawalan Mutu Air Minum, Pendidikan Kesihatan dan lain-lain
- (f) Menyediakan talian terus dan *hotline* serta menyelaras NGO dan semua pihak yang ingin memberi bantuan ke pusat-pusat pemindahan di daerah.

7.0 TINDAKAN KESIHATAN AWAM BERKAITAN BENCANA BANJIR

7.1 Operasi Banjir JKN Johor

JKN Johor telah memainkan peranan penting dalam menangani bencana ini. Sebaik sahaja kejadian banjir di beberapa daerah dilaporkan di negeri Johor, JKN Johor telah mengaktifkan pelan kesiapsiagaan menghadapi banjir yang telah sedia ada di peringkat negeri dan daerah di mana tindakan (respons) kesihatan awam adalah berdasarkan aktiviti pencegahan dan pengawalan bagi mengurangkan morbiditi dan mortaliti. Aktiviti kesihatan awam ini diselaraskan oleh Jawatankuasa Teknikal Kesihatan Banjir Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor.

Kesemua Pejabat Kesihatan Daerah juga telah mengaktifkan pelan tindakan daerah masing-masing serta menggembeling sumber dan keperluan lojistik untuk menghadapi banjir. Kesemua pasukan kesihatan dan pasukan perubatan yang dibentuk telah digerakkan di lapangan. Mereka terlibat di dalam memberikan perkhidmatan perubatan rawatan asas, pemantauan pusat-pusat pemindahan banjir, tindakan pencegahan, siasatan dan kawalan penyakit berjangkit, kawalan kebersihan alam sekitar, pemantauan kualiti dan keselamatan mutu makanan, pemantauan mutu air minum serta pendidikan kesihatan.

7.2 Bilik Gerakan Banjir JKN Johor

Bilik Gerakan Banjir JKN Johor bertempat di Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Bahagian Kesihatan Awam), Jalan Persiaran Permai, 81200 Johor Bahru memandangkan JKN Johor yang ditempatkan di Wisma Persekutuan adalah merupakan kawasan banjir.

Bilik Gerakan Banjir Negeri ini diketuai oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan dibantu oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan

Awam). Bilik gerakan ini menyelaraskan dan memantau respons kesihatan awam di lapangan / daerah mengikut

Penstrukturan program-program kesihatan awam yang sediada. Struktur organisasi dan pegawai-pegawai bertanggungjawab di Bilik Gerakan Banjir JKN Johor adalah seperti berikut:-

- i. Lojistik Bilik Gerakan Banjir Negeri dan penyimpanan fail - dipertanggungjawabkan kepada Ketua Penolong Pengarah (KPP) Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
- ii. Laporan harian dan teknikal – KPP TB/Kusta
- iii. Dokumentasi dan analisa data – KPP Epidemiologi
- iv. Kawalan Penyakit Berjangkit – KPP Epidemiologi
- v. Kawalan Penyakit Bawaan Vektor – KPP Vektor
- vi. Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) – Jurutera Kesihatan Umum Negeri
- vii. Keselamatan dan Kualiti Makanan – KPP Keselamatan dan Kualiti Makanan
- viii. Pendidikan Kesihatan – KPP Pendidikan Kesihatan Negeri
- ix. Kemasukan Pesakit dan Kaunseling – Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
- x. Sumber Manusia dan Garispanduan – KPP Penyakit Tidak Berjangkit dan KPP HIV/AIDS
- xi. Pembangunan Kesihatan Keluarga (Ibu dan Anak) – KPP Pembangunan Kesihatan Keluarga
- xii. Kesihatan Primer – KPP Penyakit Tidak Berjangkit dan KPP Kesihatan Primer
- xiii. Anggaran kewangan dan pembaikan fasiliti – Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dan KPP Pembangunan Kesihatan Keluarga

- xiv. Perolehan ubat / vaksin / PPE – Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, KPP Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, dan KPP Epidemiologi
- xv. Koordinasi Badan-Badan Bukan Kerajaan (*Non governmental organization*, NGO) – Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri: Kesihatan Awam, Perubatan, Pergigian dan Farmasi.

Senarai Kelengkapan & Peralatan

Bilik Gerakan

1. Bilik Gerakan

Bilik gerakan (CPOR), Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Bahagian Kesihatan Awam), Jalan Persiaran Permai, 81200 Johor Bahru, Johor.

2. Peralatan & Kemudahan Di dalam Bilik Gerakan

- TV
- Radio
- Alat komunikasi
- Komputer
- Internet
- Printer
- Fax
- Mesin Fotostat
- Kertas pencetak A4 dan A3, dan dakwat
- Kamera
- Papan Putih
- Spot Map
- Alat tulis
- Bilik Rehat

3. Dokumen

- Borang/Format laporan yang digunakan
- Senarai agensi terlibat/PTJ
- Senarai nama & no telefon pegawai yang incharge JKN/PTJ
- Senarai no telefon & fax Bilik Gerakan
- Senarai no telefon & fax agensi lain
- Senarai nama & no telefon pasukan kesihatan & perubatan
 - yang terlibat
- Senarai jadual tugas anggota kesihatan merujuk peranan,
 - tanggungjawab dan aktiviti
- Senarai pusat pemindahan
- Senarai fasiliti kesihatan (Hospital/KK/KD)

4. Lain-lain

Pasukan Kesihatan

- Kenderaan & bekalan petrol/diesel
- Bot dan lain-lain (Dari agensi lain seperti Bomba, Polis, Polis Marin, Tentera dan lain-lain)
- Ubat-ubatan
- Vaksin/reagents/disinfectant/transport media/spray can/PPE's.. dan lain-lain
- Peralatan bagi persampel air & makanan
- Peralatan sanitasi (Tandas, SPAL dan lain-lain)

Pasukan Perubatan

BEKALAN KECEMASAN KOTAK PERTOLONGAN CEMAS.

<u>ALATAN PEMERIKSAAN</u>	<u>KUANTITI</u>
1. Blood pressure set	1 unit
2. Stethoscope	1 unit
3. Lampu suluh dengan bateri	1 unit
4. Clinical thermometer	1 unit
5. Tongue depressors (disposable)	1 kotak
6. Airways (adult / child)	1 unit
7. Splints (adult / child)	1 unit

<u>UBAT-UBATAN</u>	<u>KUANTITI</u>
1. Injection Adrenaline	20 ampules
2. Injection IV Aminophylline	20 ampules
3. Injection Hydrocortisone	10 ampules
4. Injection Distilled Water	20 ampules
5. Injection Morphine gr.1/4 (15 µgm)	5 ampules
6. Injection IV Dextrose 5%	2 botol
7. Injection Pethidine 50 µgm	5 ampules
8. Injection IV Dextrose Saline	2 botol
9. Injection IV Normal Saline	2 botol
10. Injection IV 1/5 Dextrose	2 botol
11. Tablet Paracetamol	2,000 biji
12. Tablet Lomotil	500 biji
13. Tablet Bactamin	500 biji
14. Tablet Erythromycin	1,000 biji
15. Tablet Piriton	100 biji
16. Tablet Gelucil	200 biji
17. Capsule Achromycin	500 biji
18. Ubat Batuk	8 oz
19. Syrup Paracetamol	8 oz

<u>MINOR SURGERY SET</u>	<u>KUANTITI</u>
1 .Needle Holder	2 unit
2 .Tooth Dissecting Forceps	2 unit
3. Artery Forceps	2 unit
4. Gallipots	2 unit
5. Black Silk 3/0	-
6. Nylon	-
7. Plain Catgut 3/0	3
8. Suture Needle Cutting Edge Size 16	1 dozen
9. Injection Lignocaine 2%	1 vial
10. Ethyl Chloride Spray	2 botol
11. Bark Parker Handle	1 unit
12. Scalpel Blade	6 unit

DRESSING / OTHERS

1. Gauze
2. Cotton Wool
3. Zink Oxide Plaster
4. Elastoplasts 3 in
5. Cotton Bandages 1" dan 3"
6. Crepe Bandages
7. Safety Pin
8. Hibitane Solution 1:1000
9. Lotion Flavine
10. Disposable Syringes 2cc, 5cc dan 10cc
11. Tringular Bandage
12. Lotion Cetavelon

Pendidikan Kesehatan

1. Poster
2. Risalah
3. 1 pacuan 4 roda dengan 7 seater, berjin jenis diesel
4. 7 set peralatan khemah-khemah 1 – man tent, sleeping bag, lampu dan lain-lain
5. 1 set peralatan GPS
6. 1 set *first-aid*
7. 1 set *fire-extinguisher*

8. Peralatan PA sistem
 - 1 set PA sistem lengkap indoor
 - 1 set PA sistem lengkap outdoor
 - 1 set horn speaker bersama amplifier pada kenderaan
 - 1 fixed VCD/DVD player (dalam kenderaan)
 - 1 mobile skrin
 - 1 mobile VCD/DVD player
 - 1 mobile LCD projektor

- 1 note book (computer)
 - 1 panel pameran
 - 1 set walkie-talkie berfrekuensi tinggi (2 setiap unit)
 - 1 portable generator
 - 1 mega phone
9. 1 bot fiber glass, bersaiz 28' x 14'
- 2 unit engine outboard Yamaha (350 hp)
 - 7 set peralatan khemah- Setiap khemah 1 – man tent, sleeping bag, lampu dan lain-lain lagi
 - 1 set peralatan GPS
 - 1 set binocular siang
 - 1 set binocular malam
 - 14 set life jacket
 - 1 set first-aid
 - 1 set fire-extinguisher
 - navigation compass

AKTIVITI SEBELUM BANJIR

AKTIVITI PASUKAN KESIHATAN

KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

- Kenalpasti klinik yang mungkin dinaiki air
- Kenalpasti tempat operasi ketika banjir
- Mendapatkan maklumat Inventori alatan dalam setiap klinik untuk buat anggaran kerosakan jika klinik tersebut terlibat dengan banjir.
- Anggaran kos untuk aktiviti semasa dan selepas banjir seperti elaun lebih masa, minyak, peralatan dan ubatan, bahancth: lysol
- Mengeluarkan arahan berjaga-jaga kepada semua anggota kesihatan.
- Membekukan cuti anggota mengikut keadaan masa, kawasan negeri dan daerah yang terlibat.
- Kenalpasti anggota yang akan bertugas semasa banjir.
- Sediakan jadual bertugas anggota.
- Membuat lawatan & penilaian tempat-tempat yang akan digunakan bagi penempatan mangsa banjir yang telah dikenal pasti sebelum banjir
- Mengkaji persiapan di kawasan berisiko tinggi mengikut pengalaman dan sejarah masa dahulu dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelak kejadian penyakit berjangkit.
- Pastikan semua SOP / Garis Panduan berkaitan banjir tersedia ada dan mudah diperolehi.
- Mengadakan latihan-latihan dan simulasi dari masa kesemasa.

KAWALAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

- Mengenalpasti dan menyenaraikan agensi-agensi yang terlibat serta kemudahan–kemudahan yang disediakan di pusat pemindahan bagi penyediaan makanan.
- Menyengarai masalah-masalah yang berbangkit dalam penilaian risiko terhadap kemudahan-kemudahan penyediaan makanan yang disediakan di setiap pusat pemindahan dan mendapatkan kaedah penyelesaian diperingkat negeri.
- Mengenalpasti anggota / jawatankuasa yang menyediakan makanan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan.
- Merancang aktiviti pendidikan dan pemeriksaan kesihatan terhadap pengendali-pengendali makanan yang terlibat.
- Merancang dan menjalankan latihan pengendali makanan serta pemberian pelalian anti-typhoid dan Hepatitis A kepada pengendali yang dikenalpasti.

- Menjalankan pendidikan kesihatan terhadap langkah-langkah penyediaan makanan semasa banjir dan amalan kebersihan diri serta pengetahuan berkaitan penyakit-penyakit bawaan air dan makanan.
- Menyediakan maklumbalas persediaan sebelum banjir kepada Jabatan Kesihatan Negeri (format C2-BKMM).

KAWALAN SANITASI PERSEKITARAN

- Bekerjasama dengan agensi lain didalam mengenalpasti tempat yang sesuai untuk pusat pemindahan banjir, tandas dan pelupusan sampah.
- Memastikan sanitasi tempat pemindahan banjir adalah baik dan bersih dan sesuai untuk diduduki dengan bilangan tandas yang mencukupi, bekalan air bersih dan selamat.

KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

- Menghapuskan atau mengurangkan bilangan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran domestic / pusat pemindahan mangsa banjir dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk.
- Semburan kabus ke pusat pemindahan banjir sebelum dimasuki oleh mangsa banjir.
- Memastikan pendidikan kesihatan kepada penghuni untuk mencegah penyakit-penyakit bawaan vektor dengan membuang sampah di tempat yang disediakan.

KAWALAN MUTU AIR MINUM

- Data asas : Jumlah telaga, bekalan air paip, tempat percontohan air. Loji rawatan air.
- Memastikan pusat pemindahan banjir mendapat bekalan air melalui sistem paip daripada loji rawatan air dan melalui lori tangki.
- Memastikan pendidikan kesihatan kepada penghuni untuk memasak air sebelum di minum, mencuci tangan sebelum makan dan selepas ke tandas bagi pencegahan penyakit bawaan air dan makanan.

KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

- Membuat penilaian risiko
- Mengenalpasti situasi penyakit berjangkit di kawasan berisiko daerah masing-masing. Laporan epid mingguan boleh dijadikan sebagai asas.
- Menilai risiko penyakit-penyakit berjangkit di pusat pemindahan berdasarkan Borang Pemeriksaan Pengurusan Kesihatan Persekitaran Penempatan Sementara.
- Memastikan garis panduan dan format-format berkaitan ada dan difahami.
- Memastikan bekalan stok bahan-bahan untuk aktiviti pengawalan penyakit berjangkit mencukupi, seperti bekalan :
 - Racun serangga
 - Disinfektan
 - Vaksin
 - Ubat-ubatan
 - PPE
 - Bahan-bahan pendidikan kesihatan dll.

AKTIVITI PASUKAN PERUBATAN

Senarai petugas dan nombor telefon untuk dihubungi.

Senarai penyakit-penyakit yang perlu diperolehi semasa pemeriksaan kesihatan di lakukan :

- Penyakit Berjangkit (selsema, batuk, cirit-birit)
- Penyakit Kronik
- Kesihatan Reproduksi
- Kesihatan Mental
- Kes berisiko

AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN

- Menyemak stok bahan pendidikan kesihatan berkaitan banjir (contohnya poster, risalah dan banner/bunting) untuk kegunaan di kawasan-kawasan banjir, klinik-klinik kesihatan, hospital-hospital dan pusat-pusat pemindahan banjir dan lain-lain tempat berkaitan.
- Mengedarkan bahan-bahan pendidikan kesihatan ke semua kawasan yang berisiko menghadapi banjir.
- Memastikan UBPK dan peralatan siar raya berada dalam keadaan sempurna dan bersiap sedia untuk menghadapi banjir.
- Mengedarkan teks dan rakaman hebahan pengumuman awam kepada :
 - UBPK Daerah (jika ada)
 - Tempat-tempat ibadat (contohnya pengumuman di masjid)
 - Sekolah-sekolah
 - Klinik-klinik kesihatan
 - Radio tempatan
- Mengedar risalah dan menampal poster banjir di tempat awam seperti sekolah, balai raya, masjid, klinik kesihatan dan tempat awam yang lain di kawasan yang berpotensi dilanda banjir.
- Mempertingkatkan pendidikan pesakit bagi pesakit kronik dan ibu mengandung di hospital/klinik dan hebahan awam di radio tempatan.
- Mengemaskini senarai maklumat pemimpin-pemimpin masyarakat setempat serta NGO supaya dapat dihubungi dengan cepat semasa banjir.
- Mendapatkan maklum balas daripada daerah-daerah yang berisiko menghadapi banjir berkaitan perkara-perkara berikut :
 - Tindakan-tindakan persiapan
 - Keperluan bahan pendidikan kesihatan
- Mengenalpasti bekalan pamflet untuk edaran semasa dan selepas banjir
- Drowning prevention
 - CPR
 - Swimming lesson
 - Safety precaution

AKTIVITI SEMASA BANJIR

AKTIVITI PASUKAN KESIHATAN

UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

- Memastikan semua langkah/persiapan di semua peringkat bersedia dan bergerak jika keadaan memerlukan.
- Memastikan Bilik Operasi yang berkesan, lengkap dan beroperasi mengikut masa yang ditetapkan (8.00 pagi sehingga 10.00 malam bergantung kepada situasi banjir semasa).
- Memastikan semua langkah/persiapan di semua peringkat bersedia dan bergerak jika keadaan memerlukan.
- Memantau keadaan banjir dan keperluan kesihatan awam yang mungkin beza-beza setiap hari mengikut situasi banjir.
- Meminta bantuan dari agensi lain dalam perkara-perkara seperti kemudahan pengangkutan udara atau melalui bot ke tempat penempatan sementara yang diletakkan di kawasan pendalaman dan yang tersisir jauh dari jalan raya.
- Mengerakkan pasukan-pasukan kesihatan awam dan perubatan ke kawasan tertentu mengikut keperluan keadaan dan kehendak kesihatan awam selepas mendapat kebenaran dari Komander Operasi Banjir .
- Memastikan semua pusat pemindahan banjir dilengkapi dengan pembekalan air minum selamat, tandas sanitari, penyediaan makanan secara sanitari, pemberian ceramah dan risalah/poster nasihat kesihatan dan lain-lain yang berkaitan.
- Memastikan hospital dan fasiliti kesihatan awam di kawasan tertentu dapat memenuhi keperluan logistic alternative pengurusan pesakit khususnya jika fasiliti tersebut sendiri dilanda banjir.
- Menyediakan laporan aktiviti harian untuk diedar kepada pihak-pihak tertentu.

KAWALAN MUTU MAKANAN

- Menjalankan pemeriksaan terhadap tempat penyediaan makanan dan menjalankan penilaian risiko terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan di setiap pusat pemindahan banjir (Borang KMM 3P3).
- Mendapatkan menu setiap hidangan yang disediakan bagi mangsa-mangsa banjir di setiap pusat pemindahan banjir dan memastikan semua menu yang berisiko yang disediakan dipusat-pusat penyediaan makanan bagi mangsa banjir menjalankan holding sampel dan disimpan di dalam chiller sekurang-kurangnya 3 hari.
- Menjalankan pendidikan kesihatan kepada pengendali di pusat pemindahan banjir berkaitan penyediaan makanan dan amalan kebersihan diri dalam penyediaan makanan yang selamat.
- Memastikan semua pengendali makanan menjalani pemeriksaan kesihatan dan suntikan anti tifoid.
- Menjalankan pendidikan kesihatan kepada pengendali makanan di premis premis makanan di kawasan bencana yang menjalankan perniagaan.
- Memastikan pengendali yang tidak sihat tidak terlibat dengan penyediaan makanan.
- Menjalankan lawatan pemeriksaan ke premis-premis yang masih beroperasi terutama kilang ais dan premis makanan yang beroperasi semasa banjir (Borang KMM 3P1/ Borang KKM 3P4).
- Mengedar dan membahagi pamplet pendidikan kesihatan kepada pusat-pusat pemindahan banjir, premis makanan dan orang ramai.
- Menjalankan analisa terhadap kejadian kes –kes "*acute gastroenteritis*" (AGE) di peringkat daerah.
- Menjalankan penyiasatan dan tindakan kawalan sekiranya berlaku peningkatan kes-kes AGE dan penyakit-penyakit bawaan air dan makanan.
- Menyediakan laporan harian bagi peringkat daerah untuk dilaporkan ke JKN sebagaimana format B1-BKKM dan format C2-BKKM.

KAWALAN SANITASI PERSEKITARAN

- Memantau keadaan penempatan sementara mangsa banjir.
- Memastikan pemantauan di kawasan setempat dilakukan supaya bekalan air minum yang selamat mencukupi, dilakukan pemeriksaan secara berkala, persampelan air dilakukan dan pemantauan dilakukan secara berterusan.
- Maklumbalas unit dimaklumkan kepada Bilik Gerakan Banjir Negeri.

KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR,

- Pemantauan aktiviti kawalan untuk menghapuskan atau mengurangkan bilangan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran domestic/ pusat pemindahan mangsa banjir.
- Semburan kabus ke pusat pemindahan banjir di pusat pemindahan mangsa banjir.
- Memastikan pendidikan kesihatan kepada penghuni untuk mencegah penyakit-penyakit bawaan vektor dengan membuang sampah di tempat yang disediakan dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk.

KAWALAN MUTU AIR MINUM

- Pengujian mutu air untuk sampel air daripada lori tangki dan tangki statik hendaklah dijalankan pada setiap hari.
- Memastikan air minuman itu dimasak terlebih dahulu sebelum diminum.
- Memastikan sumber air ganti diperolehi bagi memastikan bekalan air tidak terputus di pusat pemindahan banjir.
- Mutu air perlu dikenalpasti terlebih dahulu bagi mengelakkan pengambilan bekalan air daripada sumber air yang tidak selamat seperti beracun atau toksik.

KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

- Memastikan aktiviti-aktiviti pencegahan dan pengawalan dijalankan.
- Melaporkan kejadian penyakit berjangkit dan aktiviti kawalan berpandukan format dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- Format-format laporan ialah :
 - BANJIR/CDC 1
 - BANJIR/CDC 2
 - BANJIR/CDC/VEKTOR 1
 - BANJIR/CDC/VEKTOR 2
 - BANJIR/CDC/VEKTOR 3
 - BANJIR/CDC/SANITATION
 - BANJIR/CDC/FOOD
- Aktiviti pengurusan wabak berdasarkan garis panduan-garis panduan sedia ada.

AKTIVITI PASUKAN PERUBATAN

Memastikan senarai nama petugas dan nombor telefon dikemaskini

Senarai penyakit-penyakit yang perlu diperolehi semasa pemeriksaan kesihatan di lakukan

- Penyakit Berjangkit (selsema, batuk, cirit-birit)
- Penyakit Kronik
- Kesihatan Reproduksi
- Kesihatan Mental
- Kes berisiko

Perlu melaporkan kes yang dirujuk, pesakit yang dimasukkan ke hospital dan jenis-jenis penyakit.

AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN

- Pasukan kesihatan awam banjir melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan di pusat-pusat pemindahan banjir seperti berikut :
 - Membuat pengumuman awal tentang langkah menjaga kesihatan semasa banjir di pusat-pusat pemindahan.
 - Mengadakan sesi ceramah kesihatan
 - Mengadakan perbincangan berkumpulan
 - Mengadakan nasihat individu

- Mengedarkan risalah dan flyer
 - Menampal poster atau banner/bunting
 - Mengadakan sudut maklumat kesihatan di pusat pemindahan banjir
 - Mengadakan sesi tunjuk cara (demonstrasi)
 - Melaporkan aktiviti pendidikan kesihatan banjir kepada Bilik Gerakan Banjir Peringkat Daerah.
- Bagi Daerah yang mempunyai UBPK :
 - Menjalankan pengumuman awam di pusat-pusat pemindahan banjir
 - Membantu mengedar dan memaparkan bahan-bahan pendidikan kesihatan banjir di pusat-pusat pemindahan banjir.
 - Melaporkan aktiviti pendidikan kesihatan banjir kepada Bilik Gerakan Banjir Peringkat Daerah.
 - Menyelaras dan memantau aktiviti pendidikan kesihatan banjir melalui Bilik Gerakan Banjir Peringkat Negeri.
 - Memantau bekalan/stok bahan-bahan pendidikan kesihatan banjir di daerah-daerah yang mengalami banjir dan menerbitkan semula bahan-bahan pendidikan kesihatan banjir (jika perlu).
 - Membekal dan mengedarkan bahan-bahan berkenaan mengikut keperluan dan permintaan.

SELEPAS BANJIR

KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

- Membuat anggaran kos kerosakan yang munasabah
- Memaklumkan kepada daerah terlibat supaya membuat pembaikan dengan segera supaya perkhidmatan kepada masyarakat tidak terjejas melalui peruntukan Arahan Perbendaharaan 55 (AP 55) dalam masa sebulan dari tarikh banjir bermula/tamat.
- Melakukan penilaian impak atau kesan banjir ke atas fasiliti –fasiliti kesihatan.
- Melakukan lawatan dan penilaian ke atas tempat-tempat yang digunakan bagi penempatan banjir yang telah dikenal pasti sebelum banjir.
- Menilai langkah-langkah yang telah di ambil untuk proses penambah baikan pada masa hadapan.
- Membuat syor-syor dan cadangan supaya tindakan dapat di ambil untuk memperbaiki keadaan kesihatan awam di tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai berisiko tinggi.
- Laporan harian dihantar ke CPRC sehingga 2 minggu selepas pusat pemindahan ditutup
- Menghantar laporan satu bulan selepas bilik operasi banjir ditutup. Laporan terakhir mengenai situasi banjir ini adalah menyentuh tindakan kesihatan awam yang diambil, kelemahan yang telah dikenalpasti serta syor-syor tindakan dilakukan untuk masa hadapan.

KAWALAN MUTU MAKANAN,

Menerima laporan dan memantau keadaan di kawasan yang telah dilanda banjir.

- Menjalankan pemeriksaan premis-premis kilang dan premis-premis penjualan makanan.
- Menjalankan pendidikan kesihatan terhadap premis-premis makanan yang dilawati.

- Menjalankan persampelan makanan terutama makanan yang sedia dimakan di premis-premis makanan di kawasan yang di landa banjir bagi memastikan kualiti makanan adalah selamat.
- Menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap premis-premis makanan yang beroperasi.
- Menjalankan analisa terhadap kejadian kes-kes "*acute gastroenteritis*" (AGE) di peringkat daerah.
- Menjalankan penyiasatan dan tindakan kawalan sekiranya berlaku peningkatan kes-kes AGE dan penyakit-penyakit bawaan air dan makanan.
- Menyediakan laporan aktiviti di daerah kepada JKN. (Format C2-BKKM)

KAWALAN SANITASI PERSEKITARAN

